



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

1 NOVEMBER 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

1 NOVEMBER 2022 (SELASA)

Stailo



JENAMA Three Little Ahmads menampilkan pakaian kanak-kanak yang boleh disesuaikan dengan orang dewasa.



PESONA daripada Batik TEKTURA.



GAYA anggun daripada HasFitri.



EKSPRESI tersendiri Nusantara Touch.

MY Gaya Month tampilan 20 jenama tempatan

Oleh ZURAINI MOHD. KHALID.

JENAMA fesyen tempatan yang mengeluarkan sama ada busana tradisional maupun busana moden, dilihat semakin berkualiti dan mampu untuk bersaing dengan jenama-jenama fesyen antarabangsa.

Malah, produk-produk fesyen tempatan juga memiliki kekuatan dan pesonanya yang tersendiri, sekali gus menjadikannya terkenal di mata dunia.

Justeru, bagi menggalakkan penjualan produk-produk tempatan demi kelestarian negara dan juga mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)-baru-baru ini menganjurkan sebuah acara fesyen tempatan dikenali sebagai MY Gaya Month.

Acara MY Gaya Month yang dianjurkan selama sebulan bermula 6 Oktober lalu sehingga 10 November depan itu merupakan usaha KPDNHEP untuk menggalakkan orang ramai membeli barangang fesyen tempatan.

Bertempat di pusat beli-belah Fahrenheit 88, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, orang ramai boleh datang beranai-anai bagi melihat sendiri koleksi menarik yang dihasilkan oleh 20 orang pereka Bumiputera tempatan.

Dua puluh jenama yang terlibat

termasuk AS Fashion & Style, Anas Abdullah, AWEAR, Batik TEKTURA, Bujins, Evita MAIRESSE, GHADEEZ, Hasfitri, HIDA-YEAT, HOOR x S.Ash, Huda Hassan, IZWANI, JAY-K, Kalima, Masterpiece by Masrina Abdullah, Maswira Majid, Nusantara Touch, Rebel, Spider dan Three Little Ahmads.

Pelbagai jenis produk fesyen dipamerkan di situ seperti baju wanita, baju lelaki, beg tangan dan juga kasut.

Menurut Pengarah Kanan Sektor Perdagangan, Pengedaran dan Perniagaan KPDNHEP, Datuk Rohalzi Bahari, bellau berbangga apabila 20 orang pereka tempatan yang berbakat besar tampil untuk memperagakan koleksi masing-masing di pentas peragaan MY Gaya Month.

"Peragaan selama dua hari ini amat bermakna kerana ia menyerlahkan batik-batik luar biasa yang dimiliki pereka-pereka tempatan kita dalam menterjemahkan minat dan jiwa penggemar fesyen di Malaysia," ujarnya.

Kesemua pereka tampil dengan identiti masing-masing yang menyerlahkan lagi kepelbagaiannya busana yang ada di negara ini.

Jenama Batik TEKTURA misalnya, mempamerkan koleksi batik moden pelbagai warna dalam gaya kasual, sesuai buat gaya harian.

Bagi jenama pakaian kanak-kanak iaitu Three Little Ahmads pula, perekannya tampil dengan koleksi

unik yang mana ia boleh dipadankan bersama koleksi orang dewasa, menjadikan jenama itu sesuai buat seisi keluarga.

Jenama Masterpiece by Masrina Abdullah juga merupakan salah satu lagi jenama yang cukup menarik tumpuan, khususnya bagi penggemar batik memandangkan ia menampilkan rekaan batik yang bersifat *flowy*, sederhana dan selesa.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perea Bumiputera Malaysia (MBDA), Rasta Rashid berkata, pihaknya berharap kempennya tersebut mampu memartabatkan lagi industri fesyen Malaysia dan memupuk minat terhadap produk-produk tempatan.

MBDA yang merupakan satu usaha sama peneraju-peneraju utama industri fesyen bagi menggalakkan perkembangan dan inovasi Industri Fesyen Malaysia yakin dengan penganjuran kempennya MY Gaya Month yang mampu memartabatkan lagi industri fesyen tanah air.

"Kami yakin langkah ini berupaya mengubah ekosistem fesyen supaya menjadi lebih kondusif pada peringkat tempatan dan juga antarabangsa."

"Ramai antara kita sedia maklum tentang keunikan hasil karya, warisan dan budaya kita, namun belum ramai yang sanggup mengutamakan pemilihan produk-produk tempatan berbanding jenama antarabangsa," ujarnya.

JENAMA-JENAMA fesyen tempatan dimartabatkan pada acara MY Gaya Month yang diadakan di Kuala Lumpur sehingga 10 November ini.

HARI : SELASA
TARIKH : 1/11/2022
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperlukan			
Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM13.05
Daging Lembu Tempatan	RM38	Ikan Kembung	RM10.99
Daging Lembu Import	RM50.90	Miryak Masak	RM6.70
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM2.89
Bawang Putih	RM4.99	Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
Tepung Gandum	RM2.60	Cili Merah	RM10.99

*Harga (RM/kg). Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

1 NOVEMBER 2022 (SELASA)

SSM lanjut insentif pengurangan kompaun

PETALING JAYA: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melanjutkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 November hingga 31 Disember 2022.

Menurut SSM, di bawah insentif itu, syarikat dan pengarah syarikat layak mendapat pengurangan 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

Jelasnya, lanjutan itu bertujuan memberi lebih masa kepada syarikat untuk mengambil tindakan bagi mematuhi perundungan serta meringankan beban kewangan syarikat-syarikat ke arah pemulihian ekonomi negara dalam fasa peralihan ke endemik.

"Insentif ini telah dilaksanakan selama empat bulan bermula 1 Mac 2022 hingga 30 Jun 2022, sebelum dilanjutkan hingga 31 Oktober 2022.

"Semakan status kompaun boleh dilakukan melalui emel ke ar_compliance@ssm.com.my atau hadir di mana-mana pejabat SSM," katanya dalam kenyataan.

SSM lanjut insentif pengurangan kompaun

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melanjutkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 November hingga 31 Disember ini.

Justeru, syarikat dan pengarah syarikat layak mendapat pengurangan 90 peratus daripada nilai asal membabitkan semua kompaun yang ditawarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

“Lanjutan tempoh bertujuan memberi masa kepada syarikat untuk mengambil tindakan bagi mematuhi perundangan serta meringankan beban kewangan syarikat ke arah pemuliharan ekonomi negara.

“Sebelum ini, insentif ini dilaksanakan selama empat bulan bermula 1 Mac hingga 30 Jun 2022, sebelum dilanjutkan hingga 31 Oktober 2022.

“Semakan status kompaun boleh dilakukan melalui emel compliance@ssm.com.my atau hadir di mana-mana pejabat SSM di seluruh Malaysia,” katanya.

Tambahan, semakan boleh dilakukan secara dalam talian melalui pautan e-Kompaun atau [+ di pautan portal EzBiz Online](#) dan untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel kepada enquiry@ssm.com.my.

HARI : SELASA
TARIKH : 1/11/2022
M/SURAT : 29

SSM lanjut insentif pengurangan kompaun

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan melanjutkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 November hingga 31 Disember ini.

Dalam kenyataan pada Isnin, SSM memaklumkan lanjutan tempoh itu bertujuan membantu memberi lebih masa bagi syarikat-syarikat mengambil tindakan supaya mematuhi perundangan dan meringankan beban kewangan mereka ke arah pemulihran ekonomi negara dalam fasa peralihan ke endemik.

Menurut SSM, menerusi insentif itu, syarikat dan pengarah syarikat layak mendapat pe-



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
BERSEKUTU DAN DIKEMERINTAHKAN

ngurangan 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah akta berkenaan.

Insentif itu telah dilaksanakan selama empat bulan bermula 1 Mac hingga 30 Jun sebelum dilanjutkan hingga 31 Oktober.

Semakan status kompaun boleh dilakukan melalui e-mel e-mail_ke_ar_compliance@ssm.com.my atau hadir di mana-mana pejabat SSM di seluruh Malaysia; manakala semakan kompaun dapat diakses secara dalam-talian melalui pautan e-Kompaun atau pautan portal EzBiz Online.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi Pusat Panggilan SSM

melalui talian 03-77214000 atau e-mel kepada enquiry@ssm.com.my.

Sebelum ini SSM telah memberi pengecualian kompaun dan ia memberi manfaat kepada 740,000 perniagaan yang pendaftaran perniagaan luput semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

- Seksyen 12(1)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan (APP) 1956 menetapkan satu kesalahan apabila meneruskan sesuatu perniagaan selepas tempoh pendaftaran luput dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. - Bernama

BERITA ONLINE BERTARIKH 1 NOVEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
1-Nov	Kurangkan beban pemuzik jalanan, K-KOMM akan bincang dengan beberapa kementerian	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kurangkan-beban-pemuzik-jalanan-k-komm-akan-bincang-dengan-beberapa-kementerian-388813%3famp=1	ASTROAWANI
1-Nov	K-KOMM akan berbincang dengan beberapa kementerian jaga kebaikan pemuzik jalanan	https://malaysiaga-zette.com/2022/10/31/k-komm-akan-berbincang-dengan-beberapa-kementerian-jaga-kebaikan-pemuzik-jalanan/	MALAYSIAGAZETTE
1-Nov	Kurangkan Beban Pemuzik Jalanan, K-KOMM Akan Bincang Dengan Beberapa Kementerian	https://www.getaran.my/artikel/muzik/34115/kurangkan-beban-pemuzik-jalanan-k-komm-akan-bincang-dengan-beberapa-kementerian	GETARAN
1-Nov	Kurangkan beban muzik jalanan, K-KOMM akan bincang dengan beberapa kementerian	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49986-kurangkan-beban-muzik-jalanan-k-komm-akan-bincang-dengan-beberapa-kementerian	BERITARTM